

19/05/2003

Belajar fahami orang lain: PM

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Keamanan dan kemakmuran yang dinikmati negara hanya akan kekal jika rakyat berusaha bersungguh-sungguh memastikan keadaan itu terus

terpelihara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sikap tolak ansur masyarakat pelbagai kaum dan

agama berjaya membentuk keharmonian yang wajar dihargai oleh semua pihak kerana mereka tidak perlu hidup dalam ketakutan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat tidak menyimpan prasangka antara satu sama lain hanya kerana wujud perbezaan kaum, budaya dan agama.

"Kalau kita belajar untuk memahami orang lain, kita tidak akan sangsi terhadap mereka. Sebab itu dalam negara pelbagai kaum dan agama di Malaysia, adalah penting bagi kita memahami kaum, budaya dan agama lain.

"Memahami dalam erti kata kita tidak menyimpan syak wasangka hanya kerana mereka berbeza. Mereka mungkin berbeza tetapi itu tidak bermakna mereka patut dimusuhi. Mereka berbeza kerana itu cara mereka. Mereka dilahirkan dalam keluarga yang mengamalkan agama lain, kaum lain dan adat

resam lain.

"Jangan fikir hanya kerana orang lain berbeza, maka mereka adalah salah

atau jahat. Apa yang penting ialah bagi kita bertolak ansur dengan orang lain dan agama lain, terutama di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Penghargaan bersama Perdana Menteri anjuran Persatuan Buddhist Malaysia, di Pusat Pameran dan

Konvensyen Antarabangsa Mines (MIECC) di Seri Kembangan, malam tadi.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; dan Pengerusi Penganjur Majlis,

Tan Sri Lee Kim Yew.

Dr Mahathir berkata, sikap tolak ansur terhadap agama dan budaya berbeza

akan memelihara hubungan baik pelbagai kaum yang terjalin selama ini, sekali gus dapat mengelak daripada perbalahan yang merugikan.

"Kita sudah menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa walaupun Malaysia adalah negara Islam, kita boleh bertolak ansur dengan semua agama kerana ia adalah sebahagian daripada ajaran Islam.

"Al-Quran ada menyebut mengenai kebebasan beragama. Apa yang kita percaya dan bagaimana kita melakukannya mungkin berbeza, tetapi manusia berhak memiliki kepercayaan masing-masing.

"Walaupun sebahagian besar daripada pemimpin kerajaan di negara ini beragama Islam, kita masih boleh menerima pemimpin bukan Islam kerana keterbukaan itu adalah sebahagian daripada ajaran Islam," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, semua agama ada masanya disalah tafsir oleh kumpulan yang mahu ajaran agama yang dianuti mengikut acuan dan

kehendak mereka bagi kepentingan sendiri.

Apabila perkara itu berlaku, katanya, konflik antara agama akan tercetus

dan seterusnya mendorong kepada keganasan.

"Kita bernasib baik kerana walaupun ada kumpulan ekstrem di kalangan orang Islam, Buddha, Hindu dan Kristian di Malaysia, namun sebahagian besarnya masih berpegang kepada ajaran agama sebenar dan semua agama percaya kepada keamanan.

"Walaupun Malaysia adalah negara Islam, kita tetap cuti pada sambutan Wesak, Tahun Baru Cina, Deepavali dan pelbagai perayaan lain, termasuk yang diraikan suku kaum di Sabah dan Sarawak.

"Saya harap tradisi ini akan berkekalan kerana kita tak rugi apa-apa hanya kerana kita ucapkan selamat kepada rakan yang meraikan perayaan mereka," katanya.

Perdana Menteri turut menerima replika cek bernilai RM100,000 daripada Persatuan Buddhist Malaysia untuk disumbangkan kepada Yayasan Tabung Mangsa Peperangan Palestin.